

**CABARAN SEMASA ASEAN DALAM
MENGHADAPI PANDEMIK**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Cabaran Semasa ASEAN Dalam Menghadapi Pandemik ini adalah merupakan hasil usaha serta kerja saya sendiri melainkan nukilan, ringkasan, dan rujukan yang setiap satunya telah saya perjelaskan sumbernya.

T/T PELAJAR



(MUHAMMAD BIN AMAT PAIJO)



TARIKH

12 OGOS 2022



PENGESAHAN

NAMA : MUHAMMAD BIN AMAT PAIJO
NO MATRIK : BA19110637
**TAJUK : CABARAN SEMASA ASEAN DALAM
MENGHADAPI PANDEMIK**
IJAZAH : SARJANA MUDA
BIDANG : HUBUNGAN ANTARABANGSA



DISAHKAN OLEH:
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TANDATANGAN

PENYELIA

TARIKH

12 OGOS 2022


DIANA PETERS
Pengarah Program Pengembangan PLMS
Fakulti Komunikasi dan Penyebarluasan
Universiti Malaysia Sabah

Madam Diana Peters

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT diatas segala limpahan rahmat, kasih sayang dan selawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Berkat dengan kurniaan Allah SWT, telah membolehkan kajian dan penulisan tesis ini dapat dilengkapkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Penulisan yang dihasilkan ini diharap dapat memberi manfaat sebagai bahan rujukan ilmiah bagi memudahkan sebarang usaha menimba ilmu pengetahuan untuk pembaca khususnya generasi di masa akan datang. Pada kesempatan ini, ribuan terima kasih ingin diucapkan kepada Madam Diana Peters selaku penyelia yang banyak membimbang, memberi tunjuk ajar tanpa mengira masa dan menyumbangkan idea bernas bagi membolehkan latihan ilmiah ini dihasilkan dengan sebaik mungkin sungguhpun beliau sibuk menggalas tanggungjawab dan terikat dengan komitmen tersendiri.

Paling penting sekali, apresiasi ini ditujukan khusus buat ibu yang disayangi, Puan Maria binti Yunus di atas segala pengorbanan yang telah dicurahkan dengan mendidik dan mengasuh dari kecil sehingga ke dewasa kini. Beliau tidak pernah mengenal erti lelah dan keperitan dalam melayani segala karenah dalam usaha untuk memastikan anaknya terus mendapatkan pendidikan yang terbaik untuk memastikan segala proses perkembangan dan kehidupan anaknya berada di landasan yang betul. Hasil sokongan mental dan moral di setiap saat tanpa mengenal erti putus asa, maka penulis berupaya menyiapkan latihan ilmiah ini demi menjana pembangunan ilmu pengetahuan. Sesungguhnya, jasa seorang ibu tidak terbalas dan hanya Allah SWT yang mampu memberi ganjaran diatas segala kebaikan yang dicurahkan oleh beliau.

Tidak lupa juga ucapan kesyukuran ini diberikan kepada Cik Ainun Fatihah binti Mohamad Ismail diatas segala kebaikan beliau menyumbangkan kemudahan fiskal, medium akses maklumat dan sokongan moral dalam memudahkan usaha untuk menyiapkan latihan ilmiah ini dengan jayanya.

ABSTRAK

Penyebaran penyakit respiratori COVID-19 bermula pada penghujung tahun 2019 yang dikatakan berpunca dari Wuhan, China telah menggugat kestabilan sistem kesihatan global sehingga mengakibatkan kegoyahan dalam pelbagai aspek lain meliputi politik, ekonomi, sosial kemasyarakatan dan sebagainya. Sepanjang penularan wabak pandemik ini, terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh Malaysia dan Indonesia selaku negara teras Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Kajian ini akan mengenal pasti kekangan yang terpaksa dihadapi oleh kedua-dua buah negara dalam usaha untuk memenuhi kepentingan keselamatan kesihatan masyarakat dan melindungi kepentingan sosial ekonomi negara. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, pengkaji telah mendapati bahawa reaksi dan tindak balas negara-negara ini ketika berhadapan dengan novel Coronavirus adalah bertujuan bagi mencapai sasaran *primary interest* selain keberkesanan strategi drastik yang dilaksanakan ini akan membolehkan kemampanan nasional diperolehi selaras dengan tuntutan kelangsungan negara dalam sistem antarabangsa. Izharlah bahawa konsep kepentingan nasional merupakan sebahagian daripada elemen vital dalam pembentukan sesebuah polisi mahupun dasar negara.

Kata Kunci: Malaysia, Indonesia, ASEAN, COVID-19 dan Kepentingan Nasional.

ABSTRACT

ASEAN' s CURRENT CHALLENGES IN FACING THE PANDEMIC

The spread of the respiratory disease COVID-19 started at the end of 2019 which is said to originate from Wuhan, China has destabilized the global health system resulting in instability in various other aspects including politics, economy, social and so on. Throughout the spread of this pandemic, there are various challenges that Malaysia and Indonesia have to face as the core countries of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). This study will identify the constraints that both countries have to face in an effort to fulfill the interests of public health safety and protect the country's social and economic interests. Based on the results of the study, the researcher has found that the reaction and response of these countries when faced with the novel Coronavirus is aimed at achieving the target of primary interest in addition to the effectiveness of the drastic strategy implemented this will allow national sustainability to be obtained in line with the demands of national survival in the international system. The concept of national interest is a vital element in the formation of a national policy or policy.

Keywords: *Malaysia, Indonesia, ASEAN, COVID-19 and National Interest.*

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii-ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii-xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
 BAB 1 : PENGENALAN	 1
1.1 Latar Belakang Kajian	1-2
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Persoalan kajian	2-3
1.4 Skop Kajian	3
1.5 Pendekatan Konsep	3-4
1.6 Sorotan Literatur	4-5

1.7	Metodologi Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	8-9
1.9	Limitasi Kajian	9
1.10	Pembahagian Bab	9-11

BAB 2 : PENDEKATAN KONSEP 12

2.1	Pengenalan	12-13
2.2	Maksud Konsep Kepentingan Nasional	13-16
2.3	Klasifikasi Pembahagian Jenis Kepentingan Nasional	16-20
2.4	Konsep Kepentingan Nasional Bagi Menjelaskan Cabaran Semasa ASEAN Dalam Menghadapi Pandemik	20-23
2.5	Kesimpulan	23

BAB 3 : MALAYSIA, COVID-19 DAN KESELAMATAN 24

3.1	Pergolakan Politik Dalaman Negara	24-25
3.1.1	Persekutaran Politik Negara Sebelum COVID-19	25-29
3.1.2	Persekutaran Politik Negara Semasa COVID-19	29-33
3.1.3	Situasi Pemulihan Tempoh Pasca COVID-19	34-39
3.2	Kesimpulan	39-40

BAB 4 : ASPIRASI KEMAMPANAN JOKOWI	41
4.1 Pengenalan	41-42
4.1.1 Visi Pembangunan 2045	42-46
4.1.2 Pembatasan Sosial Berskala Besar (PSBB)	46-49
4.1.3 Polisi Jaringan Keselamatan Sosial	49-54
4.2 Kesimpulan	54-55
 BAB 5 : KESIMPULAN	 56
5.1 Kesimpulan	56-60
RUJUKAN	61-71
LAMPIRAN A	72-73



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Pembahagian Kategori Kepentingan Nasional	17
Jadual 2.2 : Perbezaan Kepentingan Nasional Malaysia dan Indonesia	22
Jadual 3.1 : Trend Pertumbuhan Ekonomi Suku Pertama Tahun 2022	30



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 : Carta kes Jangkitan COVID-19 di Malaysia Tahun 2020 (10 hingga 17 Mac)	30
Rajah 3.2 : Carta KDNK Malaysia (ST1 2019 – ST1 2022)	36
Rajah 4.1 : Teras Pembangunan Trajektori Menjelang 2045	44
Rajah 4.2 : Senarai Program Jaringan Keselamatan Sosial	50



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AS	– Amerika Syarikat
ASEAN	– Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
B40	– <i>Bottom 40</i>
BERSATU	– Parti Pribumi Bersatu Malaysia
BAPPENAS	– Kementerian Perencanaan Pembangunan Nasional Indonesia
BKM	– Bantuan Keluarga Malaysia
BLSM	– Bantuan Langsung Sementara Masyarakat
BLT	– Bayaran Tunai Langsung
BN	– Barisan Nasional
BRIM	– Bantuan Rakyat 1 Malaysia
BSH	– Bantuan Sara Hidup
BULOG	– Agensi Logistik Negeri
COVID-19	– <i>Corona Virus Disease 2019</i>
CSI	– <i>Consumer Sentiment Index</i>
FBM KLCI	– <i>FTSE Bursa Malaysia KLCI</i>
FDI	– <i>Foreign Direct Investment</i>
G7	– <i>Group of Seven</i>
H1N1	– <i>Hemagglutinin 1 Neuraminidase 1</i>
HIV	– <i>Human Immunodeficiency Virus</i>
IKS	– Perusahaan Kecil dan Sederhana
IMF	– <i>International Monetary Fund</i>
IPO	– <i>Initial Public Offering</i>
Ir. H	– <i>Insinyur</i> (jurutera) H (gelaran untuk orang Islam telah menunaikan haji)
JKAV	– Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan COVID-19
KDNK	– Keluaran Dalam Negara Kasar
KKM	– Kementerian Kesihatan Malaysia
KV	– <i>Kilovolts</i>

MAGERAN	– Majlis Gerakan Negara
MIER	– <i>Malaysian Institute of Economic Research</i>
MPN	– Majlis Pemulihan Negara
PDTT	– Pembangunan Wilayah Tertinggal dan Transmigrasi
PH	– Pakatan Harapan
PKH	– Program Keluarga Harapan
PKP	– Perintah Kawalan Pergerakan
PKR	– Parti Keadilan Rakyat
POJK	– Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan
PRIHATIN	– Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin
PRU	– Pilihan Raya Umum
PSBB	– Pembatasan Sosial Berskala Besar
RM	– Ringgit Malaysia
RP	– Rupiah
RT/RW	– Persatuan Kejiraninan/Masyarakat
SARS-CoV-2	– <i>Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2</i>
SPA	– Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
ST1	– Suku Tahun Pertama
ST2	– Suku Tahun Kedua
ST4	– Suku Tahun Keempat
SUV	– <i>Sport Utility Vehicle</i>
UMNO	– <i>United Malays National Organisation</i>
US	– <i>United States of America</i>
WHO	– <i>World Health Organization</i>
VA	– <i>Volts-Amps</i>

SENARAI LAMPIRAN

Halaman

LAMPIRAN A

72-73

BAB 1

PENGENALAN


1.1 Latar Belakang Kajian

Kemunculan wabak pandemik COVID-19 yang dikenalpasti berpunca dari Wuhan, China pada 31 Disember 2019 telah menggemparkan masyarakat dunia keseluruhannya (Khalil, 2021). Tidak dinafikan bahawa pandemik ini mengancam tahap kestabilan kesihatan global yang sedia ada dengan masalah ancaman yang tersendiri sehingga menyebabkan ramifikasi kaedah dan wadah pengawalan oleh negara-negara yang wujud bagi mengekang wabak tersebut daripada terus-menerus menimbulkan dampak yang membingungkan pada hari ini. Selari dengan catatan sejarah peradaban ketamadunan bahawa, manusia sendiri telah mengalami dan melalui beberapa wabak setaraf pandemik yang mematikan. Sungguhpun ada diantaranya berjaya diatasi dengan vaksin akan tetapi juga wujud beberapa wabak lainnya sehingga hari ini pakar kesihatan dunia masih belum berjaya menemui kaedah pengubatannya. Antara contoh wabak yang telah disebabkan oleh makhluk halus bertaraf mikro ini seperti *Black Death*, *Small Pox*, *Spanish Flu*, Wabak Justinian, HIV (*Human Immunodeficiency Virus*), Influenza A H1N1 dan banyak lagi (Najmi Syahiran Mamat, 2020).

Lantaran itu, situasi semasa ini menyukarkan kegiatan dan perancangan sekaligus memberikan impaknya yang tersendiri meliputi pelbagai aspek dan bidang di rantau Asia Tenggara ini. Bilangan kes dan jumlah kematian saban hari yang tinggi dalam kalangan negara-negara di Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam dan Malaysia sangatlah mencemaskan dimana berdasarkan kepada laporan yang sedia ada terhadap penularan *Corona Virus*, seramai 15,477 orang telah dijangkiti dengan 527 kematian di Asia Tenggara pada tahun 2020 (Dr. Roy Anthony Rogers, 2020). Perkara ini sememangnya membawa cabaran yang sukar untuk diatasi oleh mana-mana negara khususnya di Rantau Asia Tenggara. Persatuan Negara-negara Asia

Tenggara (ASEAN) sejak penubuhannya pada tahun 1967 telah memainkan peranan dan fungsi dominan dalam menguruskan hal ehwal ahli-ahlinya terdiri daripada negara di rantau ini meliputi pelbagai tahap bidang dan sektor (Dollah & Wan Hassan, 2009).

Kejutan serangan pandemik terhadap sistem pertahanan kesihatan sedia ada ini telah memberikan kesan yang sangat serius terutama terhadap kepelbagaian perkembangan khususnya kepada Malaysia dan Indonesia. Berbeza dengan masalah-masalah lain yang melanda, pandemik yang melanda ini boleh mengakibatkan tumbangnya tonggak sesebuah negara kerana virus ini sangat mudah menjangkiti seseorang dan sangatlah sukar untuk dirawat serta dikawal dengan sebaiknya manakala masalah-masalah lain seperti krisis ekonomi boleh dikawal melalui penggubalan dasar pemulihan sistem kewangan yang sedia ada. Secara tidak langsung, perkara ini menunjukkan telah wujudnya jurang perbezaan ketara bagi masalah pandemik COVID-19 tambahan dengan kemunculan variasinya yang lebih agresif misalnya Delta, B.1.1.7 dan sebagainya (Abdul Karim, 2021).



1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang akan dibahaskan dalam kajian ini adalah berkenaan dengan cabaran yang dihadapi oleh negara Malaysia dan Indonesia selaku ahli teras Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) sepanjang tempoh pasca pandemik.

1.3 Objektif Kajian

Penulisan kajian ini ditulis adalah berdasarkan kepada tiga objektif kajian untuk membahas secara lebih terperinci mengenai tajuk kajian. Objektif penulisan kajian ini terdiri daripada seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti kekangan yang terpaksa dihadapi oleh Malaysia dalam usahanya untuk memenuhi kepentingan keselamatan kesihatan masyarakat.
2. Menerangkan langkah-langkah drastik yang telah diambil oleh Indonesia bagi melindungi kepentingan sosial ekonomi negaranya.

3. Membincangkan perbandingan pendekatan yang diambil oleh Malaysia dan Indonesia dalam mencapai kepentingan nasionalnya.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang telah wujud dan ingin dikaji ataranya bagaimakah ASEAN khususnya Malaysia dan Indonesia menghadapi COVID-19 sebelum pelaksanaan program vaksinasi serta kesannya terhadap pembangunan negara. Persoalan seterusnya pula, kenapa Malaysia tidak berupaya mengekalkan pelabur asing sepetimana Indonesia sepanjang tahun 2021. Kemudian, apakah perbezaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Malaysia dan Indonesia.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya berfokuskan kepada kekangan yang terpaksa dihadapi dua negara ahli teras ASEAN, Malaysia dan Indonesia semenjak penularan COVID-19. Selain itu, kajian ini memperincikan kepada strategi yang dilaksanakan oleh negara Malaysia dan Indonesia bagi mencapai kepentingan nasionalnya demi menjaga perkembangan pembangunan sepanjang tempoh pasca pandemik. Tambahan juga, fokus tambahan kajian ini adalah untuk meneliti impak daripada pengaplikasian kepelbagaian bentuk strategi oleh negara Malaysia dan Indonesia terutama selepas pelaksanaan program vaksinasi kebangsaan.

1.6 Pendekatan Konsep

Bagi memudahkan pemahaman terhadap kepelbagaian fenomena politik yang terjadi di peringkat antarabangsa seperti tindak-tanduk negara, kepelbagaian pakatan antara negara, kewujudan organisasi tertentu dan sebagainya lalu timbul beberapa konsep dan perspektif menurut kepakaran para sarjana serta para ilmuwan dalam bidang ilmu hubungan antarabangsa bahkan sebelum kurun ke-15 (Kai He, 2016). Antara konsep paling dominan dalam bidang ilmu ini adalah konsep *national interest*. Melalui penelitian terhadap konsep ini membolehkan kefahaman terhadap segala sifat mengenai hal ehwal sesebuah negara misalnya identiti kebudayaan, tingkah laku, aliran perkembangan politik dan pelbagai lagi perkara akan dapat diperolehi (Jessop, 2012).

Konsep ini pada dasarnya mempunyai latar belakang yang lebih dinamik sebagai sebuah instrumen tindakan berbanding dengan penggunaannya sebagai sebuah alat analisis terhadap alasan tindak tanduk sesebuah negara dalam sistem politik antarabangsa. Tambahan juga, setiap perancangan dasar dan polisi negara yang dijalankan tanpa didasari oleh matlamat kepentingan nasional semestinya akan menjurus kepada kemungkinan berlakunya jangkaan kemunduran sesebuah negara terbabit sekaligus membolehkan pihak berkepentingan lain mengambil kesempatan diatas kelemahan asas pentadbiran negara tersebut. Seiring dengan perubahan yang dialami dalam sistem politik antarabangsa, setelah dunia melalui beberapa siri peperangan meliputi Perang Dunia Pertama, Kedua dan Perang Dingin kepentingan konsep fundamental ini semakin diperaktikkan oleh golongan sarjana bagi mengembangkan lagi analisis pemikiran berasaskan empirikal yang menjana pembangunan dalam disiplin ilmu hubungan antarabangsa selain berupaya memudahkan golongan negarawan membentuk polisi dan dasar yang lebih kritis demi kemampunan kelangsungan aspirasi nasional (Kotz, 2002). Oleh itu, konsep kepentingan nasional ini telah menjadi pilihan untuk diutarakan bagi menerangkan kajian yang dijalankan ini terhadap impak cabaran semasa ASEAN dalam menghadapi pandemik secara lebih terperinci dan mendalam.

1.7 Sorotan Literatur

Bagi memudahkan pemahaman terhadap tajuk kajian yang dipilih dan menjelaskan hujah terhadap isi yang dilontarkan, pengkaji sepanjang menyiapkan kajian ini telah merujuk beberapa kajian lepas yang dilihat mempunyai mempunyai kaitan serba sedikit selaras memenuhi objektif kajian dikehendaki.

Dalam penulisan Djalante et al. (2020), sejak 11 Mac 2020, ketika Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan *Corona Virus* (COVID-19) sebagai wabak global, virus ini telah menjangkiti 23.3 juta orang dan membunuh 741,000 orang di 210 negara. Di Asia Tenggara, pada 17 Oktober negara-negara anggota ASEAN telah mengesahkan sekurang-kurangnya 869,515 kes dan 21,076 kematian, walaupun angka ini pasti jauh lebih tinggi disebabkan oleh sebilangan besar kes hidung yang tidak dilaporkan atau tidak dilaporkan, terutama di negara-negara membangun dengan sistem perubatan yang rapuh. Sehubungan dengan itu, tindak balas telah

diambil oleh kesemua ahli anggota dalam dalam beberapa perkara dan bidang penting sebagai wadah menghadapi ancaman ini meliputi pembentukan dasar polisi nasional, pengurusan dan tindak balas krisis, sains dan pembelajaran serta komunikasi dan persepsi.

Manakala menurut Fauzi & Paiman (2021), COVID-19 telah membawa gangguan kepada ekonomi sebagai perniagaan dan aktiviti sehari-hari ASEAN telah berhenti. Masyarakat umum telah diperintahkan untuk tinggal di dalam dan berlatih membataskan diri ketika keluar untuk mendapatkan barang keperluan mereka. Contoh yang ketara adalah dari segi kos sara hidup dan upah, jurang perbezaan antara Laos dan Singapura antara 119 Dolar AS hingga 3,547 Dolar AS sebulan, masing-masing. Ini sahaja menunjukkan bahawa perbezaan sosioekonomi antara warganegara ASEAN memerlukan langkah fiskal yang menyeluruh dalam membendung penyakit ini sebagai penyakit rakyat penerimaan terhadap gangguan ekonomi sangat bergantung pada aspek sosial dan ekonomi dalam anggota ASEAN. Kepelbagaiannya antara negara-negara ASEAN dari segi politik dan sosiobudaya perbezaan adalah berkaitan dengan cara setiap negara menangani masalah tertentu. Strategi dalam mengendalikan penyakit telah mendorong setiap pemerintah untuk memusatkan perhatian pada krisis ini dari sudut kesihatan masyarakat yang berkaitan dengan isu ancaman sempadan negara di negara jiran.

Menurut kajian oleh Oikawa, Todo, Ambashi, Kimura & Urata (2021), kadar pertumbuhan produk domestik kasar (KDNK) ASEAN dan India pada tahun 2020 menjunam menjadi negatif 3.3 peratus dan negatif 8.0 peratus dari 4.7 peratus dan 4.0 peratus pada tahun sebelumnya. Kadar pertumbuhan ASEAN negatif 3.3 peratus adalah yang paling rendah sejak krisis kewangan Asia 1997 sehingga 1998. Ekonomi ASEAN dan India telah mengalami tiga jenis kejutan ekonomi yang disebabkan oleh wabak COVID-19 terdiri daripada kejutan bekalan negatif ke rangkaian pengeluaran antarabangsa. Seperti yang dilihat dalam kes Gempa Besar Timur Laut Jepun, kerosakan langsung di satu tempat, termasuk pengurangan pengeluaran atau penutupan perniagaan, menyebabkan kerosakan tidak langsung kepada syarikat di tempat lain melalui rantai bekalan. Kejutan kedua adalah, permintaan negatif terhadap ekonomi makro. Contoh biasa ialah kejutan kewangan global pada tahun 2007 sehingga 2009. Krisis bermula di Amerika Syarikat dan merebak ke negara maju lain, diikuti oleh kesan negatifnya terhadap ekonomi baru muncul.

Kejutan ketiga adalah, permintaan positif terhadap barang dan perkhidmatan yang diperlukan untuk menanggapi wabak COVID-19. Penyebaran COVID-19 meningkat dengan ketara permintaan untuk bekalan kritikal dan peralatan pelindung diri. Kenaikan permintaan membawa kekurangan yang meluas dan rantai bekalan kesihatan yang tertekan.

Berdasarkan penulisan Sylvia Yazid, Lie, & Jovita (2020), pergerakan manusia mula terbatas apabila pandemik COVID-19 mula berkembang di rantau Asia Tenggara. Bagi menjelaskan hal ini, telah wujud beberapa isu utama yang timbul disebabkan oleh kekangan mobiliti antaranya terhadap masyarakat ekonomi ASEAN. Aliran tenaga buruh kerja asing telah terjejas dimana kebanyakan mereka tidak dapat dipasarkan sekaligus mengugat pasaran tenaga buruh bagi negara-negara pembekal seperti Indonesia, Filipina dan Vietnam. Isu migran semasa yang melibatkan etnik Rohingya sememangnya satu keimbangan nyata terhadap kemungkinan wujudnya kesukaran untuk mengawal penularan wabak ini dalam kalangan mereka. Golongan ini tidak dinafikan setiap hari terdedah dengan pelbagai ancaman lantaran perjalanan harian terlalu mencabar untuk dihadapi seperti kekurangan bekalan makanan, mati kelaparan, dimakan binatang laut yang buas dan sebagainya. Penggubalan dasar dan strategi yang sesuai untuk menyelaraskan tahap keimbangan terhadap ancaman pandemik inioleh masing-masing pemimpin negara selain turut berusaha untuk tidak mengabaikan matlamat pembangunan dan kemajuan nasional perlulah dilaksanakan sebaiknya dengan penuh efektif.

Menerusi penulisan Chong, Xiaoyang Li & Yap (2021), laporan data dari Dana Monetari Antarabangsa (IMF) menjelaskan bagaimana jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara ASEAN pada tahun 2019, diukur dengan keupayaan daya beli, berjumlah sebanyak 9.34 trilion Dolar AS, menjadikannya ekonomi keempat terbesar setelah China, Amerika Syarikat dan India. Walaupun ukuran dan pengaruhnya dalam istilah ekonomi kolektif, ASEAN mempunyai masalah dalamannya sendiri, seperti pembangunan ekonomi yang tidak merata di antara negara-negara anggotanya dan hubungan ekonomi antara rantau yang lemah. Walaupun ASEAN telah mencapai pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang pesat walaupun dengan adanya permasalahan ini, masalah struktur ini dapat diperburuk dengan wabak pandemik COVID-19. ASEAN juga sangat bergantung pada perdagangan dengan China dan Amerika Syarikat dimana kedua-dua negara tersebut

masing-masing melaporkan kes pertama dan mempunyai jumlah kes yang paling banyak disahkan oleh Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa (WHO). Tuntasnya, hubungan erat antara kedua negara ini juga membuat ASEAN terkena dampak kejutan buruk dari China dan AS, menjadikan ekonomi semasa ASEAN lebih rentan.

Berdasarkan hasil kajian dilakukan Gozum, Capulong, Gopez & Galang (2021), ASEAN terus berjuang untuk mendapatkan langkah kolektif untuk menangani krisis kesihatan awam semasa wabak terutama mengenai tanggapan bantuan kepada masyarakat miskin dan rentan. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa perkara penting harus dititikberatkan meliputi tindakan kerjasama multilateral rentas sempadan, antara serantau dan bersama untuk menangani respons bantuan COVID-19 terhadap keselamatan kesihatan awam di kalangan masyarakat yang rentan di Asia Tenggara. Sememangnya wujud keperluan mendesak untuk perkongsian strategik untuk memperkasakan pusat ASEAN dan memperluas kemampuan kewangannya untuk mengatasi kekurangan respons terhadap ancaman sedia ada ini. Dialog AS - ASEAN menyoroti sokongan kuat kerajaan Amerika Syarikat kepada ASEAN terhadap COVID-19, dengan bantuan kesihatan dan kemanusiaan kecemasan sebanyak 112 juta Dolar AS, sementara Mesyuarat Tropika Terbuka ASEAN bersama United Kingdom mendedahkan perkongsian strategik untuk pemulihan pasca pandemik, yang mengetengahkan janji United Kingdom untuk membiayai lebih dari 1 bilion dos vaksin COVID-19 untuk membantu negara-negara membangun, termasuk negara-negara ASEAN. Oleh itu, penyertaan ASEAN juga dalam Mesyuarat Menteri Luar dan Pembangunan G7 berupaya meningkatkan kerjasama pelbagai hala.

Menurut Mohd Rozaimy bin Ridzuan & Noor Amira Syazwani Abd Rahman (2021), kesan COVID-19 melanda ekonomi ASEAN telah mempengaruhi rantaian bekalan yang berkaitan dengan mesin dan produk elektronik kerana banyak kilang yang terletak di China perlu ditutup kerana ditutup. Malaysia, Singapura, Vietnam dan Thailand paling terjejas dalam rantaian bekalan mereka kerana penurunan permintaan barang yang dihasilkan oleh mereka. Bank Dunia menekankan bahawa negara-negara yang sangat bergantung kepada pelancongan dan eksport akan terjejas teruk oleh wabak tersebut. Bank mengunjurkan bahawa akan ada penurunan tahunan KDNK, sehingga 6.1 peratus di Malaysia, 9.9 peratus di Filipina, dan 10.4 peratus di Thailand. Kadar pengangguran telah meningkat ke tahap yang hampir

tidak pernah terjadi sebelumnya kerana pandemi, yang telah menghancurkan ekonomi hingga tahap yang berbeza-beza. Sebilangan besar pemerintah negara-negara anggota ASEAN telah memberlakukan tindakan pencegahan dalam negeri yang ketat, yang memperlambat atau bahkan menghentikan kegiatan ekonomi di sektor-sektor tertentu. Peningkatan kes COVID-19 di seluruh negara ASEAN diramalkan akan memburukkan lagi pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut. Pandemik ini juga menyebabkan penurunan harga minyak yang mendadak dan menyebabkan tekanan turun yang teruk pada harga aset di pasaran ekuiti dan pendapatan tetap.

1.8 Metodologi Kajian

Sepanjang penulisan kajian ini dilakukan, pengkaji menfokuskan kepada penggunaan kaedah kualitatif yang lebih bersandarkan kepada bahan sumber kedua meliputi bahan bacaan ilmiah seperti buku, artikel jurnal, surat khabar dan laman sesawang internet yang berkaitan. Semua ini dilakukan bagi membolehkan segala perincian maklumat hanya yang bersifat tepat dan sahih diperolehi khususnya berkaitan dengan tajuk kajian pilihan pengkaji. Kaedah ini dijadikan sebagai pilihan kerana dilihat sebagai wadah yang sangat efisyen dengan situasi semasa sepanjang pasca pandemik ini dimana wujud kekangan untuk melakukan pergerakan secara bebas oleh pihak berkuasa.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan berteraskan kepada beberapa kepentingan antaranya bagi mendedahkan kepada masyarakat halangan-halangan yang dihadapi oleh Malaysia dan Indonesia selaku negara ahli ASEAN dalam usahanya mengawal kesejahteraan dan kestabilan ahli-ahlinya ketika menghadapi. Seterusnya, kepentingan lain kajian ini adalah untuk menjelaskan paras kesan langsung dan tidak langsung sedia ada kemunculan wabak pandemik respiratori baharu ini terutama berkenaan dengan pelaksanaan perancangan kemajuan dari segi kepentingan nasional sepanjang tiga tahun kebelakangan ini berdasarkan negara model yang telah dipilih. Tidak dinafikan bahawa, pelbagai pembangunan untuk keperluan ekonomi dan sosial tertangguh dan terbengkalai kerana serangan wabak ini merupakan perkara luar jangka jauh daripada ramalan-ramalan para pakar negarawan.

Selain itu, bertujuan memberi buah fikiran dalam bentuk cadangan langkah-langkah yang sesuai untuk diambil hasil daripada analisis terhadap kepelbagaian bentuk strategi dan pendekatan yang diambil oleh dua negara model ahli teras ASEAN terdiri daripada Malaysia dan Indonesia dalam usaha mereka untuk mencapai perkembangan yang pasif dalam perkembangan sektor-sektor ekonomi dan pembangunan sosial di masa akan datang. Cadangan-cadangan yang diajukan dalam kajian ini sememangnya dibuat berdasarkan fakta-fakta ilmiah dan merujuk kepada kajian lepas berkaitan dengan tajuk yang dipilih.

1.10 Limitasi Kajian

Selama tempoh kajian ini dijalankan, pengkaji turut tidak terlepas daripada beberapa perkara yang menyebabkan berlakunya limitasi untuk menyiapkan kajian mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Antara limitasi tersebut adalah:

1. Pengkaji terpaksa bergegas untuk menyiapkan hasil kajian disebabkan tempoh masa yang diberikan adalah agak singkat. Sungguhpun begitu, kajian ini mampu dihasilkan mengikut masa yang dimahukan oleh penyelia dengan jayanya.
2. Wujud kesukaran oleh pengkaji bagi memperolehi bahan-bahan kajian diperlukan disebabkan sumber daya rujukan yang sangatlah terhad lantaran hanya berpandukan bahan bacaan sedia ada. Hal ini terjadi kerana, wujud had batas kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa selaras dengan situasi penularan wabak pandemik COVID-19 semasa.
3. Limitasi lain yang wujud adalah, pengkaji menghadapi kekangan dalam memahami cara untuk menghuraikan idea-idea yang berkaitan dengan tajuk kajian disebabkan pengkaji tidak dapat berada di universiti sekaligus hanya berhubung dengan penyelia melalui media sosial.

1.11 Pembahagian Bab

Dalam kajian ini, terdapat enam bab yang telah diketengahkan oleh pengkaji bagi membincangkan secara lebih lanjut mengenai kajian yang bertajuk, "Cabaran Semasa ASEAN Dalam Menghadapi COVID-19". Setiap bab juga telah disusun dengan sebaiknya agar dapat memastikan kesemua objektif kajian mampu untuk dicapai dengan sebaiknya.

1.11.1 Bab 1: Pengenalan

Dalam bab ini akan memberikan gambaran kasar secara keseluruhan mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji bertujuan bagi memudahkan pembaca memahami struktur penulisan kajian ini sekaligus membuka fikiran pembaca dengan idea-idea dan hujah yang dilontarkan. Perkara yang termasuk dalam bab ini terdiri daripada permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, pendekatan teori secara ringkas, sorotan literatur, metodologi kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan pembahagian bab.

1.11.2 Bab 2: Pendekatan Konsep

Selain itu, dalam bab ini akan diterangkan secara lebih lanjut mengenai pendekatan konsep yang dipilih bersesuaian dengan kepentingan bentuk pendekatan dalam memenuhi dasar negara, impak pelaksanaan sesebuah perancangan kerajaan dan keberkesanan strategi dalam menentukan arah tuju negara.

1.10.3 Bab 3: Malaysia, Covid-19 dan Keselamatan

Kemudiannya, dalam bab ini akan menjelaskan kekangan serta cabaran utama dari pelbagai sudut sama ada secara langsung maupun secara tidak langsung yang terpaksa dihadapi oleh Malaysia untuk memenuhi kepentingan keselamatan kesihatan masyarakatnya. Bahkan, perkara ini merupakan salah satu aspek penting dalam yang diberi perhatian khusus lantaran penularan wabak respiratori semenjak penghujung tahun 2019.

1.11.3 Bab 4: Aspirasi Kemampunan Jokowi

Seterusnya, dalam bab ini akan memperincikan kepada kepelbagaian bentuk langkah drastik yang telah diambil oleh pihak pemerintah Indonesia bagi melindungi kepentingan sosial ekonomi negaranya. Pemilihan bentuk pendekatan yang sesuai oleh pihak pemerintah Indonesia melalui pelaksanaan dasar-dasar tertentu disebabkan oleh faktornya yang tersendiri sangat berupaya membantu menjaga kestabilan ekonomi negara dikala tempoh kegawatan ekonomi lantaran serangan wabak pandemik ini.

1.11.4 Bab 5: Kesimpulan

Dalam bab yang terakhir ini, kajian akan dikemaskin dengan postulat kajian secara keseluruhan berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah dijelaskan secara